



PETROPODA sejenis Zooplankton dan organisma akuatik

berbahaya dikesan di Perairan Mersing sejak 11 Jun lalu.

Sengat petropoda bawa mudarat, sakit serta gatal

HM OG | 07/24 MIS 8

Johor Bahru: Orang ramai dinasihatkan menangguhkan aktiviti berkaitan air di perairan Mersing di sini berikutan kehadiran serangan gastropoda yang dikenal pasti sebagai Petropoda (*Creseus Acicula*) khususnya di perairan itu sejak 11 Jun lalu.

Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Nurhuda Ibrahim, berkata Petropoda adalah Zooplankton dan ia antara organisme akuatik berbahaya dan mempunyai sengat yang boleh memudaratkan manusia.

Katanya, kehadiran Petropoda dikesan pasukan penyelidik dari Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung pada 11 Jun lalu di perairan kepulauan Mersing.

"Petropoda berasal dari perairan tropika dan subtropika. Perubahan iklim, peningkatan suhu air, dan air *ballast* perkapalan diperdayai menjadi punca penyebaran spesis ini ke perai-

ran Malaysia.

"Moluska ini mempunyai sengat yang boleh menyebabkan keradangan, kegatalan, kekerigan, pengelupasan, keremahan dan kulit bersisik.

"Kesan ini ada kaitan dengan tindak balas hipersensitif pada kulit manusia. Dapatkan rawatan segera jika terkena sengatan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Nurhuda berkata, serangan Petropoda itu yang bukan kali pertama dimaklumkan penyelidik IPP Batu Maung.

Katanya, sebelum ini terdapat kewujudan Zooplankton berkenaan namun ia tidak merebak dan sebanyak ketika ini.

"Serangan ini dijangka berakhir selepas peralihan monsun. Jabatan Perikanan memantau kehadiran Petropoda sehingga situasi selamat dan menasihatkan orang ramai menjauhi aktiviti berkaitan air di perairan itu buat masa ini," kata-

Serangan
Petropoda dijangka
berakhir selepas
peralihan monsun